

ES10170005

3 Januari 2020

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

**Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan semula RSPO ke atas Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas**

Sime Darby Plantation Berhad memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (Malaysia National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaiannya bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas.

Berikut adalah maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas (No. Keahlian: 1-0008-04-000-00 / No. ID RSPO: RSPO\_PO1000000347) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd:

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. Telah memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Untuk pensijilan RSPO sebanyak 10 daripada 66 unit pensijilannya.

Sime Darby Plantation Berhad memiliki 242 ladang kelapa sawit dan 71 kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak di Malaysia dan Kalimantan, Sumatera, Sulawesi di Indonesia as well as Papua New Guinea, Solomon Islands and Liberia. Pada masa ini, Sime Darby Plantation Berhad memantau perladangan adalah seluas 312, 578 hektar di Malaysia dan 10,401 hektar di Liberia. Sime Darby Plantation Sdn. juga membeli tandan buah segar dari pekebun kecil sekitar.

Selain daripada operasi estet dan kilang, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. juga terlibat dalam aktiviti hiliran termasuk penapisan minyak, pengeluaran minyak dan produk lemak, oleo-kimia dan bio-diesel di empat belas negara.



ISO/IEC 17021-1:2019 QS 0213/099 CB 01  
 ISO/IEC 17021-1:2019 MS 7712/2002 CB 02  
 ISO/IEC 17021-1:2012 PC 0512/2004 CB 01  
 ISO/IEC 17021-1:2015 GSH 0612/2005 CB 01  
 ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 0505/2008 CB 03  
 ISO/TS 22003:2013 FSMS 2312/2008 CB 01  
 MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 1012/2009 CB 02  
 MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022/01 CB 01  
 ISO/IEC 17021-1:2015 EnMS 0301/2014 CB 01  
 ISO/IEC 17021-1:2015 MDOMS 3009/2015 CB 04  
 ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 0910/2015 CB 04  
 ISO/IEC 17021-1:2015 MSPD 2507/2017 CB 05  
 ISO/IEC 17024:2012 PS 0903/2017 CB 03

MS ISO/IEC 17025  
 CALIBRATION TESTING

SAMM NO.085 SAMM NO.086  
 SAMM NO.087 SAMM NO.219  
 SAMM NO.735 SAMM NO.240  
 SAMM NO.734 SAMM NO.377

MS ISO/IEC 17020  
 MIBAS NO. 003

074

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan audit penilaian semula Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas bermula dari 10 Februari 2020 sehingga 14 Februari 2020. Malaysia National Interpretation 2019 of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas terletak di Jasin, Melaka, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Ab Raouf Asis	Ketua Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah Pengeluaran dan Operasi (Kepujian) – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.</li> <li>• Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.</li> </ul>
Rahayu Zulkifli	Juruaudit / Isu Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah dalam LLB (Hon) - Liverpool Polytechnic, United Kingdom</li> <li>• Mempraktikan kerjaya sebagai seorang peguam sebelum menyertai WWF-Malaysia.</li> <li>• 'Dispute Settlement Facility Manager' di RSPO (2014-2015)</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO (Wild Asia)</li> </ul>
Rozaimee Rahman	Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia.</li> <li>• Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit.</li> <li>• Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016).</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS.</li> </ul>
Mohd Zulfakar Kamaruzaman	Juruaudit / Isu HCV, Isu Sosial dan Supply Chain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam</li> </ul>

		<p>Ladang Kelapa Sawit.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS.</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus "RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification 2016</li> </ul>
Selvasingam Kandiah	T.	<p>Juruaudit / Isu Amalan Pertanian Baik (GAP)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Pertanian - Universiti Sains Pertanian, Hebbal, Bangalore, India (1969-1973).</li> <li>• Peladang bersama Kumpulan Guthrie Berhad (1995-2002) termasuk satu tahun di Liberia dan 2 tahun di Jabatan Estate di Guthrie Group Berhad (HQ).</li> <li>• Pengalaman dalam urusan: Nurseri: getah dan koko Kawasan tidak matang: penanaman koko semula , penanaman getah semula &amp; penanaman kelapa sawit semula Kawasan: koko, getah &amp; kelapa sawit.</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit Bersepadu Kualiti, Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> </ul>

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaihan bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

**Kamini A/P Sooriamoorthy**  
 Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
 Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,  
 No. 1, Persiaran Dato' Menteri,  
 40700 Shah Alam, Selangor,  
 Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448  
 Faks : +603 5544 6763  
 Email : kamini@sirim.my

atau **Shylaja Devi Vasudevan**  
 Head Sustainability Unit

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.  
 PSQM Department, Level 3A, Main Block, Plantation Tower,  
 No. 2, Jalan PJU 1A/7,  
 47301 Petaling Jaya, Ara Damansara,  
 Selangor,  
 Malaysia.  
 Telefon : +603 7848 4379  
 Faks : +603 7848 4363  
 Email : shylaja.vasudevan@simedarbyplantation.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMIN A/P SOORI AMORTHY)

Ketua Seksyen,  
Makanan, Pertanian & Perhutanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

## Lampiran 1

Maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad, Strategic Operating Unit (SOU) 17 - Kempas  
**KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA**

Nama Kilang	Kapasiti Kilang (MT/Jam)	Lokasi	Koordinat GPS	Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)
Tomanggong Palm Oil Mill	60	77000 Jasin, Melaka, Malaysia.	E 102.4269 N 2.3211	53,414.59 13,480.83
<b>LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA</b>				
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS	Ringkasan Kawasan (Ha)	Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
Kempas Estate	71000 Jasin, Melaka, Malaysia.	E 102.4652 N 2.2770	4,542.96 Jumlah	3,816.16 92,750.69
Kemuning Estate	76460 Tebong, Melaka, Malaysia	E 102.3380 N 2.4643	2,676.68 2,535.45	64,750.00
Tangkah Estate	84900 Tangkah, Johor, Malaysia.	E 102.6375 N 2.3435	2,680.98 2,496.20	59,939.50
Serkam Estate	77100 Jasin, Melaka, Malaysia.	E 102.4610 N 2.3060	2,114.23 1,221.28	36,915.00
Jumlah		12,014.85	10,069.09	254,355.19